



### BIODATA

## TUNKU MAHKOTA ISMAIL SULTAN IBRAHIM

#### PENDIDIKAN

- Tunku Mahkota Ismail mendapat pendidikan awal persekolahan di Sekolah Sri Utama dan Sekolah Rendah Kebangsaan St Joseph, masing-masing terletak di Johor Bahru dan seterusnya di Australian International School, Singapura.
- Baginda kemudian melanjutkan pelajaran di Hale School, Perth, Australia pada tahun 1999 sehingga akhir tahun 2002.

#### KETENTERAAN

- Baginda menjalani latihan ketenteraan sebagai Pegawai Kadet di Indian Military Academy (IMA), Dehradun, India pada 17 Julai 2003 sehingga 11 Disember 2004 sebelum ditauliahkan pangkat Leftenan dalam upacara tamat latihan.
- Baginda ditempatkan di Unit 61 Cavalry Tentera Darat India, Jaipur, India, selama dua tahun mulai 15 Disember 2004 sehingga 14 Disember 2006.
- Kehebatan Tunku Mahkota Ismail berkuda terbukti apabila baginda dianugerahkan 'Best In Riding' yang selanjutnya mengangkat kecemerlangan kepada IMA.
- Tunku Mahkota Ismail menempa sejarah apabila menjadi rakyat asing pertama menyertai rejimen berkuda tentera India memberi tabik hormat kepada Presiden India APJ Abdul Kalam sempena sambutan Hari Kebangsaan India ke-58 pada 20 Jan 2007, yang turut dihadiri tetamu kenamaan termasuk Presiden Rusia, Vladimir Putin.
- Pada 14 Julai sehingga 23 September 2008, Tunku Mahkota Ismail melaksanakan Kursus Kepakaran Gerak Khas di Kem Iskandar, Mersing, dan pada 9 Oktober sehingga 19 November 2008 mengikuti Kursus Asas Payung Terjun di Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULAPAK).
- Pada 1 Ogos 2010, Tunku Mahkota Ismail dianugerah Beret Hijau Kehormat Grup Gerak Khas (GGK) atas kepimpinan dan sumbangan buah fikiran dalam mempertingkatkan keupayaan GGK.

#### PEMASYHURAN

- Tunku Mahkota Ismail dimasyhurkan sebagai Raja Muda Johor pada 8 April 2006 dan kemudian sebagai Tunku Mahkota Johor pada 28 Januari 2010.

#### JAWATAN DISANDANG

- Penaung Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) (sejak 2012 - kini)
- Pemilik Kelab Bola Sepak Johor Darul Ta'zim (JDT) (sejak 2016 - kini)
- Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) (sejak 3 Disember 2022 - kini)

#### SUKAN

- Sukan kegemaran Tunku Mahkota Ismail antaranya ialah polo dan bola sepak.
- Selaku Presiden PBNJ sejak 16 Februari 2012, baginda telah membangun, menerajui dan mengangkat pasukan bola sepak Johor ke tahap berprestasi tinggi dan disegani.
- Tunku Mahkota Ismail dilantik sebagai Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi penggal 2017-2021 selepas menang tanpa bertanding pada Kongres FAM ke-53, 25 Mac 2017.